# MAJALAH TAHUNAN 2022

## PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

rmc@unishams.edu.my

ARAS 2 BANGUNAN CANSELORI , UNISHAMS

Disediakan oleh :
Halawatul Maritha Syuhada

VOL 3/DECEMBER 2022

# Isi KANDUNGAN





**01** KATA ALUAN
Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penyelaras 1.

**02** PENGENALAN RMC
Pengenalan, Visi & Misi, Peranan dan Pengenalan MyRA

**03** UNIT PENYELIDIKAN
Laporan Tahunan 2022

**04** UNIT PERSIDANGAN
Laporan Tahunan 2022

**05** UNIT KLUSTER
Kumpulan Kluster dan Aktitivi Kluster

**06** UNIT PENERBITAN
Kumpulan Kluster dan Aktitivi Kluter

**07** GALERI RMC
Aktiviti sepanjang tahun.








# KATA ALUAN PENGARAH

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam**

**“Kedah Sejahtera - Nikmat Untuk Semua”.**

Ribuan terima kasih saya ucapkan dan tahniah kepada team editor yang bertungkus lumus menghasilkan Majalah RMC bagi tahun 2022 ini. Ini merupakan majalah edisi pertama setelah Unit pengurusan Penyelidikan (RMU) di naik taraf ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) pada awal tahun 2022.

Dalam menuju ke fasa endermik COVID 19 ini, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bersama warga pendidik UniSHAMS perlu bangkit mencari ruang dan peluang dalam membangunkan idea-idea baru dalam penyelidikan dan inovasi kearah merealisasikan aspirasi negara menuju revolusi industri 4.0.

Justeru itu, pembudayaan dalam bidang ini di kalangan pensyarah sangat significant memandangkan UniSHAMS akan melangkah menjadi Mature Universiti kelak. Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) akan terus mendokong tanggungjawab bersama warga pendidik UniSHAMS dalam menghasilkan penyelidikan berkualiti diperingkat national dan antarabangsa.

Sekian. Terima kasih

**DR. RAHAYATI BINTI AHMAD**
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC),
**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU’ADZAM SHAH (UNISHAMS),**
**KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN.**



# KATA ALUAN TIMBALAN PENGARAH

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam**

**“Kedah Sejahtera - Nikmat Untuk Semua”**

Alhamdulillah, Jazakumullahu Khairan Kathirān saya tintakan atas peluang yang diberi kepada saya untuk menulis sepatah dua kata dalam buletin ini. Tahniah diucapkan kepada semua Unit staf pentadbiran dan Graduate Assistant (GA) Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang bernaung di bawah seliaan Timbalan Naib Canselor Akademik, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (UniSHAMS) kerana berjaya menghasilkan bulletin yang menjadi saluran informasi gerak kerja pusat ini dan tanda kepada komitmen pusat ini untuk terus maju ke hadapan.

Dunia pendidikan pada abad ke 21 ini semakin kompleks dan bersifat global. Warga pendidik dan staf pentadbir perlu bersifat kecemerlangan yang holistik dalam urusan pentadbiran, pendidikan, aktiviti kajian, berfikiran kreatif, inovatif, kolaboratif yang berasaskan etika, nilai, moral dan rohani yang islamik, serta mampu bersaing di peringkat global, ini seiring dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan, Malaysia.

Akhir kalām, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan buletin ini. Semoga usaha baik ini akan berterusan dan dapat mempertingkatkan lagi kualiti dan kuantiti keseluruhan pencapaian aktiviti-aktiviti persidangan, penerbitan, penyelidikan dan konsultasi UniSHAMS ke arah yang lebih cemerlang.

**DR. MOHAMAD LUKMAN AL HAKIM MD. NOOR**
Timbalan Pengarah,
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC),
**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU’ADZAM SHAH (UNISHAMS),**
**KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN.**



# KATA ALUAN PENYELARAS

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam**

**“Kedah Sejahtera - Nikmat Untuk Semua”.**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya memberikan sepatah dua kata di dalam buletin Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (UniSHAMS) untuk terbitan tahun ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “Selamat Membaca” kepada semua pembaca buletin ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada AJK Buletin iaitu kesemua staf pentadbiran dan Graduate Assistant (GA) RMC, UniSHAMS kerana berjaya menerbitkan Buletin buat ketiga kalinya. Sesungguhnya, penerbitan buletin ini mencerminkan kesungguhan pihak RMC dalam menggembleng tenaga untuk menjayakan budaya kerja sepasukan di RMC.

Usaha murni ini merupakan satu saluran informasi kepada para pensyarah dan staf pentadbiran UniSHAMS untuk menyemarakkan lagi aktiviti-aktiviti persidangan, penerbitan, penyelidikan dan konsultasi di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Buletin ini merupakan antara platform penyebaran informasi berkaitan aktiviti-aktiviti kluster, penerbitan dan penyelidikan yang dihasilkan untuk dikongsi bersama seluruh pensyarah dan khasnya kepada warga UniSHAMS, Kuala Ketil, Kedah. Matlamat ini adalah selaras dengan halatuju UniSHAMS untuk menjadi universiti Islam global dengan berintegrasikan ilmu dan kebijaksanaan. Justeru, ahli akademik di UniSHAMS perlu melaksanakan pelbagai peranan secara berterusan. Antara peranan utama ialah pendidikan tinggi (pensyarah); penjana ilmu baharu (penyelidik); pemimpin ilmu (sarjana) dan penyampai ilmu kepada masyarakat (intelek awam). Semua ini perlu dilaksanakan dengan cemerlang, pada tahap tertinggi dan berteraskan etika akademik. Selain itu, kesemua peranan ini juga mampu menambah prestasi pencapaian MyRA iaitu sistem pengukuran yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengukur prestasi universiti awam dan swasta bertepatan dengan agenda yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan buletin ini. Semoga usaha murni ini akan berterusan dan dapat mempertingkatkan lagi kualiti keseluruhan pencapaian aktiviti-aktiviti persidangan, penerbitan, penyelidikan dan konsultasi UniSHAMS ke arah yang lebih cemerlang. Saya mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan positif bagi memantapkan lagi kandungan buletin ini untuk manfat semua pihak.

Sekian, selamat maju jaya dan terima kasih.

**DR. MARINA ABU BAKAR**
Penyelaras 1,
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC),
**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU’ADZAM SHAH (UNISHAMS),**
**KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN.**

RMC UniSHAMS



## SEJARAH PENUBUHAN

# PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) UniSHAMS

RMC ditubuhkan pada Oktober 2016 di bawah seliaan Timbalan Rektor Akademik, seterusnya diambil alih oleh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan pada Jun 2017. Seterusnya diselia oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan pada Julai 2019. Kemudian, RMC diambil alih semula oleh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan pada November 2019 dan tahun 2021 dipisahkan dan dinamakan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sehingga kini.

## VISI

**"Kelestarian perkhidmatan pengurusan penyelidikan yang efisien dan profesional"**

### FOKUS UTAMA RMC

Penyelidikan → Penerbitan → Persidangan → Aktiviti Kluster

Pejabat RMC berada di Aras 2, Bangunan Canselori UniSHAMS. Kakitangan unit ini terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah, Penyelaras, 3 orang kakitangan tetap dan 5 orang pembantu siswazah secara kontrak 1 tahun.

## MISI

**"UNTUK MENINGKATKAN DAN MEMARTABATKAN PENYELIDIKAN SELARI DENGAN KEPENTINGAN UMMAH KE ARAH KELESTARIAN PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA"**




Pada 4 Oktober 2017, Jawatankuasa Persidangan, Penyelidikan & Penerbitan (U3P) telah ditubuhkan untuk memartabatkan bidang penyelidikan dan penerbitan di samping menggalakkan kulliyah-kulliyah menjalankan persidangan di peringkat universiti, national, dan antarabangsa.

segala urusan yang melibatkan 3P dapat dijalankan dengan lebih sistematik di bawah pemantauan Rektor dan Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa.




# PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

*"Mengemaskini, mendaftar dan menyelaras pengisian MyRA dan menentukan penarafan bintang dinaikkan."*

## UNIT PENYELIDIKAN

Mengurus geran penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS).
Mengurus Geran Penyelidikan Universiti (GPU) dan Geran Penyelidikan Universiti bersama Industri (GPUi)
Mengurus Geran Pusat Kajian Fiqh dan Agihan Zakat (PUKAZ)

## UNIT PERSIDANGAN

Menjadi urusetia bagi perkara berkaitan Mobiliti Program dan Persidangan yang akan dilaksanakan oleh Kulliyyah.
Meneliti dan memproses permohonan pensyarah yang ingin membentangkan kertas penyelidikan di persidangan dalam dan luar negara.
Membudayakan penyelidikan dikalangan pensyarah dengan mengadakan bengkel, seminar dan kursus berkaitan penyelidikan.

## UNIT PENERBITAN

Menyelaras semua jurnal yang diterbitkan oleh setiap kuliyyah.
Merancang dan melaksanakan sesi diskusi dan book review dengan menjemput ilmuan (scholar) dan ahli korporat
Menyelaras dan mengurus segala berkaitan penerbitan buku atau modul pengajaran.

## UNIT KLUSTER

Menguruskan aktiviti Kluster Kumpulan Penyelidik.
Mengurus proses pemohonan menjalankan aktiviti penyelidikan sehingga tamat.

# CARTA ORGANISASI

## PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN UniSHAMS



# APA ITU MYRA?

## MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT



### PENGENALAN MYRA

MyRA® adalah singkatan bagi Malaysian Research Assessment, atau istilah bahasanya Taksiran Penyelidikan Malaysia. MyRA® digunakan untuk menilai kapasiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan

MyRA® merupakan instrumen yang mengukur input, output, outcome dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersialan & Inovasi (RDCI).

### TUJUAN UTAMA

1. Untuk menilai prestasi universiti tempatan dalam kegiatan Penyelidikan – Pembangunan – Pengkomersilan (R&D&C)
2. Untuk menilai permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental oleh universiti;
3. Untuk menilai permohonan menjadi sebuah Universiti Penyelidikan; dan
4. Menilai impak IPT yang telah diberikan status Universiti Penyelidikan



### DATA MYRA 2021 DISERAHKAN PADA KPT



Ia mengukur kecemerlangan dengan menilai jarak sesebuah IPT dari profil (tanda aras) yang ditakrifkan sebagai cemerlang bagi sebuah universiti penyelidikan di negara kita.




Sistem penarafan bintang MyRA® yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini terbahagi kepada enam (6) kategori, dengan sifar (0) bintang mewakili prestasi terendah dan enam (6) bintang mewakili prestasi MyRA® yang terbaik.

# UNIT PENYELIDIKAN

*❝ Memberi peluang kepada staf akademik dengan menggunakan dana yang diluluskan pihak UniSHAMS ❞*



**GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (GPU)**

***Penyelidikan UniSHAMS***

**GERAN PENYELIDIKAN INDUSTRI (GPI)**

***FRGS, PUKAZ, BANK RAKYAT & WISMA KEDAH***

**GERAN PENYELIDIKAN PEMINDAHAN ILMU(GPPI)**

Geran Penyelidikan Universiti adalah suatu peruntukan yang di sediakan oleh pihak Universiti utk para penyelidik (pensyarah) menjalankan kajian. Tempoh penyelidik geran ini dilanjutkan kepada 2 tahun bagi memberi peluang kepada penyelidik dalam tempoh tersebut.

## *KATEGORI GERAN PENYELIDIKAN TAJAAN INDUSTRI*

Geran Penyelidikan Pemindahan ilmu ini bertujuan mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan staf akademik mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh universiti. Pihak UniSHAMS tidak menanggung kos perbelanjaan geran kecuali perbelanjaan hasil penyelidikan.

Geran Penyelidikan Industri (GPI) ialah geran kerjasama antara staf akademik UniSHAMS dan industri luar yang dibiayai sepenuhnya oleh industri tersebut. Penyelidikan perlulah dilengkapkan dalam tempoh dan kos pembiayaan yang telah diperuntukkan seperti yang termaktub dalam perjanjian antara kedua-dua pihak.



Geran Penyelidikan Industri yang berada di Unishams terbahagi kepada 3 iaitu (GPI) geran yang mendapat tajaan dan dibiayai sepenuhnya oleh Industri tersebut, (Geran KPT/FRGS) iaitu Geran dibawah Kementerian Pengajian Tinggi dan dibiayai sepenuhnya KPT dan Geran PUKAZ iaitu Geran yang dibayai sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah.

LZNK
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) adalah geran dari KPT bagi menggalakkan penyelidikan asas untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

BANKRAKYAT

PUKAZ memberi tumpuan kepada kajian dan penyelidikan pengkhususan fiqh zakat, yang merangkumi persoalan fatwa, perudangan, sumber dan agihan dan banyak lagi.

# STATISTIK GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (GPU/GPUi) MENGIKUT KULLIYYAH (LULUS)




# STATISTIK PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (GPU/GPUi) MENGIKUT KULLIYYAH



# LAPORAN GERAN PENYELIDIKAN INDUSTRI 2022




## KATEGORI GPI

DR.MUHAMMAD BAQIR BIN ABDULLAH
TAJANA : WISMA KEDAH NEGERI KEDAH - RM50,000

ENCIK MUHAMMAD AIZAD BIN BUKHORI
TAJAAN : BANK RAKYAT - RM65,000

DR. RAHAYATI BINTI AHMAD | TAJAAN KPT: RM93,200
DR. SYAHIZA BINTI ARSAD | TAJAAN KPT: RM 83,000

GERAN PUKAZ - KULIYYAH SYARIAH
SERAMAI 15 PENYELIDIK - RM125,000















# UNIT PERSIDANGAN

"Wujud usaha Insentif Penerbitan Jurnal Berindeks."



**PERMOHONAN HADIR PERSIDANGAN**

*Muat turun borang ICMS*

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

*Peserta & Pembentang*

**"FIRST COME FIRST SERVE"**

*Kaedah pemberian insentif tertakluk kepada bajet tahunan UniSHAMS*

Persidangan bermaksud kongres,seminar, forum, simposium, kolokium, wacana, program, ceramah, bengkel dan lain-lain yang boleh dimaksudkan dengan persidangan dan berteraskan penyelidikan serta tidak bersifat kursus jangka masa panjang.

## *PERMOHONAN HADIR PERSIDANGAN*

Kakitangan akademik yang ingin menghadiri persidangan sama ada memerlukan peruntukan kewangan atau tidak, perlu membuat permohonan menghadiri persidangan melalui RMC.

Borang permohonan boleh dimuat turun di pautan ICMS Unishams. Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab bagi kakitangan akademik yang menghadiri persidangan tanpa Kelulusan universiti. Penyertaan persidangan tanpa kelulusan Universiti tidak akan diperakui dalam rekod ketidakhadiran.

Artikel penyelidikan dari persidangan tersebut mestilah dihantar ke penerbit jurnal yang berkaitan dengan bidang artikel tersebut. Insentif penerbitan jurnal disediakan berdasarkan kategori jurnal- jurnal yang diiktiraf mengikut peraturan dan syarat- syarat yang telah ditetapkan.

Jurnal Scopus & WOS sebanyak RM2,000.

Jurnal berindeks Scopus:
Q1 (RM2,00)
Q2 (RM1,600)
Q3 (RM 1,300)
Q4 (RM1,000)

ERA/ WOS/ Buku Ilmiah terbitan UniSHAMS diberi insentif RM500. MyCite sebanyak RM300 dan selain daripada itu diberi RM200. Majalah dan surat khabar RM100.

# LAPORAN PERSIDANGAN BAGI TAHUN 2022

## AKTIVITI PERSIDANGAN

| Aktiviti | Bilangan Permohonan | Bilangan Artikel Penerbitan | Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|
| Hadir seminar/ Bengkel sebagai peserta | 174 | - | 14,393.00 |
| Hadir seminar/ Bengkel sebagai pembentang | 127 | 95 | 42,671.14 |
| Kos penerbitan | 18 | 16 | 9,771.33 |
| Insentif jurnal berindeks/terbitan | 233 | 200 | 64,250.00 |
| Pembentangan/seminar berindeks scopus | 0 | 0 | - |
| Surat Kelulusan Persidangan & Penerbitan | 158 | | - |
| Memo tuntutan dan pelbagai bahagian persidangan | 89 | | - |
| Surat Penghargaan Insentif WOS/SCOPUS | 4 | | - |
| Taklimat persidangan & penambahbaikan insentif baru | 1 | | - |

## BILANGAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL BERINDEKS

| | |
|---|---|
| Scopus + Web of Science | 9 |
| ERA | 23 |
| MYCITE | 18 |
| OTHER JOURNAL | 150 |




## JURNAL BERINDEKS WOS/SCOPUS/ERA & MYCITE MENGIKUT KULLIYYAH









## PERBELANJAAN AKTIVITI PERSIDANGAN/PENERBITAN / PENYELIDIKAN BAGI TAHUN 2022

| BULAN | BENGKEL (PESERTA-300) | PERSIDANGAN (PEMBENTANG-1500) | BAJET PERSIDANGAN UNTUK KOS PENERBITAN | INSENTIF JURNAL BERINDEKS/TERBITAN | PEMBENTANG SCOPUS (MAX:3500) | GERAN PENYELIDIKAN GPUI & GPU | JUMLAH SESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JUMLAH | RM14,393.00 | RM42,671.14 | RM9,771.33 | RM64,250.00 | RM0.00 | RM82,377.92 | RM213,463.39 |

# UNIT KLUSTER

*Merupakan unit kecil yang memantau aktiviti kumpulan penyelidik agar sentiasa aktif.*




4
KLUSTER

**PENGAJIAN ISLAM**

*6 kumpulan penyelidik*

**PENGAJIAN BUKAN ISLAM**

*5 kumpulan penyelidik*

Semua aktiviti/ program berkaitan kluster adalah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Persidangan, Penyelidikan & Penerbitan (U3P) bagi tujuan semakan dan sokongan seterusnya akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa JPE bagi tujuan pengesahan dan kelulusan

## *INISIATIF PENUBUHAN UNIT KECIL KUMPULAN KLUSTER*

Aktiviti/program gabungan antara kumpulan kluster dibenarkan namun pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan perlu diagihkan sama rata.
Format kertas kerja dan laporan selepas penganjuran persidangan/ seminar/ bengkel boleh didapati di sistem ICMS/ RMC.

Permohonan mestilah sebulan sebelum tarikh program/aktiviti yang akan dijalankan. Manakala, kertas kerja aktiviti perlu dihantar bersama borang RMC20 ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Persidangan & Penerbitan (U3P).







Sekitar aktiviti kluster yang dilangsungkan secara maya dengan medium google meet dan streamyard






# AKTIVITI KLUSTER PENGAJIAN BUKAN ISLAM













The 2nd Medicine & Health Sciences Conference 2022
LIVING WITH
COVID-19
SEQUELAE
20th - 21st July 2022
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
ORGANISERS:
Unishams MBBS
mbbs_unishams
04-4155382


ISLAMIC FINANCE
LECTURE SERIES IX
SHARIAH ISSUES IN ISLAMIC BANKING AND FINANCE
SPEAKER
USTAZ ANUAR BIN ELIAS
Vice President/Head
Islamic Banking Department
Bank Simpanan Nasional
MODERATOR
PROF. MADYA DR.YUSUF HAJI OTHMAN
Senior Lecturer
UniSHAMS-CIFER
SUNDAY, OCTOBER 16TH 2022
PLATFORM: zoom
2.30PM - 4.30PM
FEE:
Lecturer/Staff RM20.00
Postgraduate Student RM10.00
Undergraduate Student RM5.00
First 30 participants are FREE
REGISTRATION:
MISS SITI HAFSHA:+6014-5060451
MDM. SITI FATIMAH:+6012-5353080


LZNK
UNISHAMS-CIFER INTERNATIONAL CONFERENCE 2022 (UCIC2022)
23 - 24 November 2022
Venue: Zoom
ISLAMIC FINANCE AND MANAGEMENT TOWARDS ACHIEVING MASLAHAH
The conference is organized by Center for Islamic Finance Education and Research (CIFER), Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS) in collaboration with Lembaga Zakat Negeri Kedah and ITB Ahmad Dahlan, Indonesia.
We extend this invitation to all academicians, researchers and students from around the world to present papers in the areas of Islamic Management, Halal Services, Islamic Banking, Islamic Social Finance, Islamic Capital Market, Islamic Wealth Management, Islamic Financial Planning, Information Technology or any other related fields.
SCOPE & INTEREST:
Islamic Management
Halal Services
Islamic Banking
Islamic Social Finance
Islamic Capital Market
Islamic Wealth Management
Islamic Financial Planning
Information Technology
Any related fields
CONFERENCE FEES
Presentation : MYR 100 for Lecturers and Researchers
MYR 50 for students
Publication: MYR 100
PAYMENT DETAILS
Account Number: 02011010036859
Account Name: UNISHAMS SDN BHD
Bank: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)
Reference: UCIC 2022
ALL ACCEPTED PAPERS will be published in conference e-proceeding (with e-ISBN) and one of the following international refereed journals.
1. International Journal of Contemporary Issues (to be published in Dec. 2022)
2. CIFER International Journal of Contemporary Issues in Islamic Finance (to be published in Jun. 2023)
KEY DATES TO REMEMBER
DATELINE TO SUBMIT ABSTRACT/VIDEO: 17TH NOVEMBER, 2022
DATELINE TO SUBMIT FULL PAPER: 24TH NOVEMBER, 2022
REGISTRATION DEADLINE: 17TH NOVEMBER, 2022
VIDEO FORMAT:
1. File format MP4 / H.264
2. 1080p Resolution (1920 x 1080)
3. Duration maximum 10 min
4. File Size not more than 200MB

# AKTIVITI KLUSTER PENGAJIAN ISLAM


















# UNIT PENERBITAN

*"Membantu urusan permohonan pendafaran jurnal-jurnal Kuliyyah UniSHAMS dalam senarai MyJurnal dan MyCite."*

**ISSN/ ISBN**



**BUKU**

**JURNAL**

**HAK CIPTA**

Penerbitan adalah merujuk kepada hasil penulisan yang diterbitkan dalam buku, monograf, laporan, kertas kerja, artikel jurnal, majalah, manual dan lainlain dalam format bercetak atau elektronik.

## *TUGAS- TUGAS UNIT PENERBITAN*

Mengumpul karya ilmiah pensyarah UniSHAMS sama ada karya dalam bentuk fizikal buku, digital ataupun bahan sumber elektronik (seperti CD dan DVD) sebagai karya dalam terbitan UniSHAMS.

1Menguruskan pendafaran ISBN/e-ISBN bagi karya buku terbitan UniSHAMS. Menguruskan pendaftaran ISSN/e-ISSN bagi karya jurnal terbitan UniSHAMS. Menguruskan pendafaran hak cipta (copyright) terbitan UniSHAMS melalui MyIPO.

Menguruskan permohonan permit Kementerian Dalam Negeri (KDN) jurnal terbitan UniSHAMS. Menguruskan kertas kerja yang berkaitan dengan penerbitan UniSHAMS. Menguruskan penghantaran bahan terbitan UniSHAMS ke Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Perpustakaan UniSHAMS,.





Penerbit UniSHAMS berhak untuk membayar semua kerja-kerja penerbitan yang berkaitan mengikut kadar yang telah diputuskan oleh mesyuarat EMC/U3P. Peruntukan ini hanyalah bagi: Penerbitan hasil penyelidikan GPPI bab dalam buku (chapter in the book). Penerbitan hasil penyelidikan GPU dalam bentuk buku Manakala kos penerbitan selain daripada hasil dua geran penyelidikan tersebut adalah dibawah tanggungan pensyarah/ penulis itu sendiri.

MyJurnal
Journal Management System
MY CITE
malaysian citation index
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
MyIPO

RMC hanya memohon nombor ISBN dan ISSN bagi penerbitan di bawah tanggungjawab UniSHAMS sahaja. Pensyarah/penulis yang ingin mendapatkan nombor bagi penerbitan perlu membuat permohonan melalui RMU untuk dihantar ke Perpustakaan Negara Malaysia. Permohonan ISBN dan ISSN akan diurus oleh RMU. Adapun semua jurnal kuliyyah dan prosiding persidangan atau seminar akan diuruskan oleh Kuliyyah.

# LAPORAN PENERBITAN BAGI TAHUN 2022















## PENDAFTARAN KULLIYYAH DENGAN MYPORTAL (JURNAL) & KDN

| KULLIYYAH | NAMA JURNAL | E-ISSN | ISSN (KDN) |
|---|---|---|---|
| KUSQ | The International Journal Of Islamic And Culture | / | / (2948-3778) |
| KBA | International Refereed journal Of Language And Culture | / | / (2182-0006) |
| KSU | مجلة كلية الشريعة والقانون | / | / (2180-3857) |
| KPSK | The International Journal Of Medicene And Science | / | / (2590-3710) |
| KMS | International Journal Of Muamalat | / | / (2590-4337) |
| CIFER | CIFER International Journal Of Islamic Finance | / | / (2948-3751) |
| PPPKP | Journal Contemporary Of Islamic Counselling Perspective | / | Dalam Proses |

# TERBITAN BUKU 2022

# BAHASA ARAB







### DR. AHMED FATHI RAMDAN ABDELGAYED

Perbahasan Fekah Mengenai Pendakwaan Dan Penerangan

ISBN: 9789672842569

Persoalan-Persoalan Perbandingan Dalam Fekah Pada Perbahasan Ibadat, Muamalat Dan Hukuman Jenayah

ISBN: 9789672842576

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG






### DR. SALAH MOHAMED MOUSTAFA MOUSTAFA ELBAHRAWI

Persoalan Hukum Bagi Umat Islam Yang Menyertai Urusan Pentadbiran Negara Di Barat

ISBN: 9789672842682

Pengislaman Wanita Tanpa Dituruti Suaminya Yang Bukan Islam, Dan Kesan Terhadap Wanita Tersebut: Suatu Kajian Perbandingan Dalam Fekah)

ISBN: 9789672842675

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG




### DR. MAHAMAD FATHY MOHAMED ELETREBI

Tujuan Pensyariatan Islam: Antara Teori Dan Perlaksanaannya

ISBN: 9789672842873

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG




### DR. MOHAMED IBRAHIM HASSAN OTHMAN

Kesalahan Biasa Dalam Penulisan Perancangan Proposal Dan Penulisan Ilmiah Dalam Bahasa Arab Bagi Pelajar Pascasiswazah UniSHAMS (Manifestasi-Sebab-Cara Mengatasi)

ISBN: 9789672842880

KULLIYYAH BAHASA ARAB




### DR. SHAABAN ABDEL HAMEED REFAE MOHAMAD

Keluasan Dalam Sirah

ISBN: 9789672842767

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN




### DR. MAHAMAD FATHY MOHAMED ELETREBI

Fikah Berkenaan Tujuan Pensyariatan Islam: Kajian dan Nas

ISBN: 9789672842774

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG




### DR. MOHAMED HAMED MOHAMED SAID

الازشاد النفسي في العبادات

ISBN: 978-967-0060-12-5

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN







### DR ABDEL TAWWAB MOUSTAFA KHALED MOAWAD

Tujuan Dan Faedah Pensyariatan Islam Dan Kaitannya Dengan Dalil-Dalil

ISBN: 9789672842743

Kunci Ilmu Usul Fekah

ISBN: 9789672842736

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG




### DR. MOHAMED RADY MOHAMED ELPAZ ELSHEAKH

(Isu-isu Kritikan Sastera Modern

ISBN: 9789672842736




### DR. AHMED RAMADHAN HARIS

Penerangan Dalam Pelajaran Berkenaan Ayat-Ayat Al-Quran Yang Berkaitan Syariat

ISBN: 9789672842798

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG




### DR. AHMED RAMADHAN HARIS

Pengertian Bid'ah dan Kesan-kesannya

ISBN: 9789672842804




### DR SALAH MOHAMED MOUSTAFA EL-BAHRAWY

المشاركة المالية بين الزوجين
دراسة مقارنة بين آراء الباحثين
المعاصرين وفتوى ولاية قدح

ISBN: 9789672842958

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG



### DR ABDEL TAWWAB MOUSTAFA KHALED MOAWAD

Mazhab Syafi'i, Kedudukannya Dan Kesannya Kepada Masyarakat Malaysia

ISBN: 9789672842811




### MERYEM ABOUS

Penasakhan Dalam Hadith Dan Kesannya Dalam Fikah Islam: Suatu Kajian Perlaksanaan Dalam Puasa

ISBN: 9789672842835

KULLIYYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG

# TERBITAN BUKU 2022

# BAHASA ARAB



### DR. MOHAMED IBRAHIM HASSAN OTHMAN

Kesalahan Biasa Dalam Penulisan Perancangan Proposal Dan Penulisan Ilmiah Dalam Bahasa Arab Bagi Pelajar Pascasiswazah UniSHAMS (Manifestasi-Sebab-Cara Mengatasi)

ISBN:
9789672842880

KULLIYYAH BAHASA ARAB



### DR. RABIE IBRAHIM MOHAMED HASSAN

المدخل إلى علم الجرح والتعديل

ISBN:
'978-967-2842-99-6

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN



### DR. RABIE IBRAHIM MOHAMED HASSAN

النقد الحديثي بين منهج المحدثين ومسالك المعتزلة والمستشرقين والحداثيين

ISBN:
'978-967-0060-00-2

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN



### PROF. MADYA DR. ABDUL GHANI BIN MD DIN

التحصيل العلمي لدي طلاب الجامعات الماليزية في جائحة كوفيد 19 (استراتيجيات وخبرات)

ISBN:
'978-967-0060-03-3

KULLIYYAH BAHASA ARAB



### DR. AMR MOHAMMED SAYED EMAM SALLAM

نظرات في مناهج الدعوة الإسلامية

ISBN:
978-967-0060-06-4

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN



### DR. RABIE IBRAHIM MOHAMED HASSAN

قبسات من نور النبوة

ISBN:
978-967-0060-07-1

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN



### DR. ABDUL GHANI BIN MD DIN, DR UMAR BIN MUHAMMAD DIN

اراء الباقاء العكبري و علماء العربية في تصريف الافعال

ISBN:
'978-967-0060-08-8

KULLIYYAH BAHASA ARAB



### DR. ABDUL GHANI BIN MD DIN, MOHD AZIZUL RAHMAN BIN ZABIDIN DR UMAR BIN MUHAMMAD DIN

دور علمي النحو والصرف في بناء الجمالة العربية

ISBN:
'978-967-0060-11-10

KULLIYYAH BAHASA ARAB



### DR. RABIE IBRAHIM MOHAMED HASSAN

الازشاد النفسي في العبادات

ISBN:
978-967-0060-12-5

KULLIYYAH USULUDDIN & SAINS AL-QURAN

# TERBITAN BUKU 2022

# BAHASA INGGERIS




**AINUL MAULID BIN AHMAD**

Basic Mathematics For Foundation Studies

ISBN:
9789672842828




**MUHAMMAD HAFIZ BIN AZIZAN**

Millennial Participation in Environmental Conservation and Regeneration Activities at Heritage Sites in Langkawi

ISBN: 9789672842934

KULLIYYAH MUAMALAT







**PROF. MADYA DR. YUSUF HAJI OTHMAN**

An Analysis On FWD Takaful Product Distribution In Malaysia: A Pilot Project Engaging UniSHAMS Students

ISBN:
9789672842989

CIFER

The Role Of Islamic Social Finance Instruments In Reviving The Economy During The Covid-19 Pandemic Crisis In Malaysia

ISBN:
9789672842972

CIFER




**SITI SYARIAH BINTI MAMAT**

Foundation in Science Laboratory Manual

ISBN:
978-967-0060-01-9

KULLIYYAH PERUBATAN & SAINS KESIHATAN




**FAIZATUL HASLIYANTI BINTI GHAZALI**

The Framework for Managing and Implementing of Academic Audit System; Case Study of UniSHAMS

ISBN:
978-967-0060-02-6

KULLIYYAH MUAMALAT




**SITI SYARIAH MAMAT**

Effect Of Exercise Therapy On Antioxidant Levels In Obese People

ISBN:
978-967-0060-09-5




**NURSHAFARINA SHAAR**

Molecular Characterization Of Blastocystis SPP. In Farm Animals, Its Handlers And Aquatic Sources

ISBN:
978-967-0060-10-1

KULLIYYAH PERUBATAN & SAINS KESIHATAN




**DR. LEE II L**

Immune Response To Intestinal Parasitic Infection In Association With Exercise Therapy

ISBN:
978-967-0060-13-2




**DR. NORMAIZATUL AFIZAH BINTI ISMAIL**

RESEARCH ARTICLES ON HEALTH CONTEMPORARY ISSUES

ISBN:
'978-967-0060-16-3

KULLIYYAH PERUBATAN & SAINS KESIHATAN






# AKTIVITI TAHUNAN RMC

PEMBERIAN SAGUHATI OLEH PENGARAH RMC
DR RAHAYATI BINTI AHMAD







*Staf Aprisiasi*

# AKTIVITI RMC SEPANJANG TAHUN 2022

| PELANTIKAN PENGARAH RMC | PELANTIKAN TIMBALAN PENGARAH |
|---|---|





| JAMUAN AKHIR TAHUN 2022 | SESI BERGAMBAR AIDILFITRI |
|---|---|





| SESI BERGAMBAR | JEMPUTAN CERAMAH |
|---|---|







| AJK KONVOKESYEN 26 | PERJUMPAAN SECARA BULANAN |
|---|---|







# SEKIAN,

# TERIMA KASIH

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN